

01/09/2001

Isu pendatang kurang jika ekonomi Indonesia pulih

Kadir Dikoh

KETIKA Presiden Indonesia, Megawati Sukarnoputri baru menjejak kaki di ibu negara, tiga lelaki dipercayai rakyat Indonesia merompak wang tunai dan barang kemas bernilai RM2 juta di banglo Tunku Tan Sri Shariman Tunku Sulaiman, Selasa lalu.

Itu secara kebetulan. Namun, hakikatnya jenayah di negara ini turut dilakukan rakyat asing. Kini, sekurang-kurangnya 22 rakyat Indonesia berada dalam senarai paling dikehendaki polis kerana melakukan kes samun bersenjata dan bunuh di Melaka, Selangor, Johor dan Kuala Lumpur.

Kegiatan jenayah membabitkan rakyat asing, termasuk dari Filipina dan Afrika inilah membimbangkan pihak berkuasa. Laporan terbaru menyebut kebanyakan rakyat Indonesia yang melakukan jenayah di negara ini dikesan menggunakan pas lawatan sosial untuk memasuki Malaysia dan pulang ke negara asal sejeurus selepas itu.

Malah, Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pendatang Tanpa Izin yang dipengerusikan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dalam mesyuaratnya baru-baru ini, melahirkan kebimbangan mengenai masalah itu.

Abdullah berkata, antara kategori pendatang tanpa izin di negara ini ialah mereka yang melanggar syarat pas lawatan, lari dari majikan, tinggal lebih masa dan mereka yang bekerja dengan memiliki pas lawatan sosial.

Katanya, pendatang tanpa izin itu membawa masalah sosial seperti jenayah dan merebaknya penyakit berjangkit, selain mewujudkan perkampungan mereka di negara ini.

Kemasukan pendatang tanpa izin ke negara ini pada umumnya kerana faktor penolak di negara asal dan faktor penarik di negara ini, katanya.

Namun, kunjungan Megawati selama dua hari ke Malaysia diharap dapat membantu menangani masalah itu, selain mengeratkan kerjasama di antara Malaysia dan Indonesia dalam bidang ekonomi serta usaha membendung kegiatan berbentuk militan.

Dalam satu pertemuan dengan masyarakat Indonesia di Malaysia di Kedutaan Indonesia di Kuala Lumpur, Selasa lalu, Megawati meminta rakyatnya yang memasuki negara ini secara haram supaya berusaha mendapatkan dokumen perjalanan sah.

"Saya ingin sampaikan kepada masyarakat (Indonesia) yang belum mempunyai pasport dan visa untuk segera melegakannya (dapatkan dokumen sah).

"Persoalan mengenai masalah pendatang haram yang masuk ini menjadi masalah kepada pemerintah kita sendiri dan hal seperti ini membuat kita perlu menjaga masyarakat yang berada di lengkok Kerajaan Malaysia," katanya.

Isu mengenai pekerja Indonesia di Malaysia turut dibincangkan dalam pertemuan di antara Megawati dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Isnin lalu. Malaysia mahu pekerja Indonesia memasuki negara ini dengan mematuhi peraturan dan saluran sah bagi memastikan mereka dapat dilindungi dan tidak dieksploitasi pihak tertentu.

Megawati berkata, ketika ini ada lebih 1.5 juta rakyat Indonesia di Malaysia. Menteri dan juga Timbalan Ketua Misi Kedutaan Indonesia, Warmas Hassan Saputra, berkata rakyat Indonesia di negara ini secara sah berjumlah 550,000 orang.

Masalah pendatang haram ini memerlukan kerjasama Indonesia. Antara faktor masalah ini berlanjutan kerana keadaan ekonomi negara itu berbanding Malaysia, menyebabkan ramai rakyatnya menyeberangi Selat Melaka

untuk mencari rezeki.

Diharapkan, apabila ekonomi Indonesia pulih dan kini menjadi antara matlamat utama pemerintahan Megawati, masalah pendatang ini akan berkurangan.

Lawatan pertama Megawati ke Malaysia sejak menjadi Presiden, Julai lalu juga diharap dapat menyelesaikan kegiatan berbentuk militan selepas kedua-dua negara sepakat untuk meningkatkan kerjasama membanteras kegiatan itu, terutama pergerakan pelampau yang melepasi sempadan serantau.

Kesepakatan itu dicapai dalam mesyuarat pertama di antara Dr Mahathir dan Megawati. Kedua-dua pemimpin melahirkan kebimbangan mengenai keganasan pergerakan militan dan pelampau yang kini mempunyai rangkaian serantau.

Malah, dalam perbincangan itu Dr Mahathir turut memberi taklimat berhubung usaha Malaysia menangani kegiatan pelampau, seperti Kumpulan Militan Malaysia (KMM). Megawati pula ingin mendapatkan maklumat lanjut mengenai kegiatan KMM dan kaitannya dengan pergerakan militan di Indonesia.

Kedua-dua pemimpin memberi penekanan mengenai pentingnya mengadakan kerjasama rapat bagi menjamin keselamatan kedua-dua negara. Dr Mahathir dan Megawati bersetuju supaya agensi kedua-dua negara yang bertanggungjawab memantau dan mengawal keselamatan, meningkatkan kerjasama bagi menangani masalah keganasan dan kegiatan pelampau.

Kerjasama yang dipersetujui meliputi pertukaran maklumat risikan dan mengambil tindakan awalan bukan saja bagi mengekang kegiatan yang boleh mengancam soal dalaman kedua-dua negara, malah di rantau ini.

Difahamkan, isu keselamatan dan ancaman gerakan militan mendapat perhatian kedua-dua pemimpin itu berikutan penangkapan anggota KMM yang dipercayai turut terbabit dalam beberapa siri keganasan dan letupan bom di Indonesia.

Setakat ini, polis Malaysia menahan 10 anggota KMM mengikut Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA), manakala seorang rakyat Malaysia, Taufik Abdul Halim, 26, ditahan pihak berkuasa Indonesia kerana terbabit dalam pengeboman dua gereja dan sebuah pusat beli-belah di Jakarta.

Megawati turut berterima kasih kepada Dr Mahathir kerana pendirian tegas Malaysia untuk tidak menyokong kumpulan pemisah Aceh bagi menghormati wilayah itu sebagai kedaulatan Indonesia. Aceh adalah soal dalaman Indonesia dan Malaysia tidak akan menyokong pergerakan kumpulan pemisah atau untuk kemerdekaan Aceh.

Dalam pertemuannya dengan rakyat Indonesia di ibu negara Megawati turut memberi amaran kepada kumpulan pemisah Aceh supaya tidak melakukan gerakan subversif untuk memisahkan wilayah itu daripada Indonesia.

Dr Mahathir dan Megawati juga mahukan Suruhanjaya Bersama Malaysia-Indonesia (JCM) yang tidak mengadakan mesyuarat sejak dua tahun lalu, dijadikan mekanisme bagi memperkukuhkan lagi kerjasama dalam pelbagai bidang. Tidak ada mesyuarat JCM dalam tempoh dua tahun lalu, disebabkan Indonesia menghadapi kemelut politik dan ekonomi.

Dalam mesyuarat itu, Malaysia meminta Indonesia supaya memberikan lebih banyak hak mendarat kepada Penerbangan Malaysia (MAS) melalui sektor Kuala Lumpur-Jakarta kerana jumlah rakyat republik itu yang ramai di negara ini.

Pada masa ini, MAS membuat dua penerbangan sehari ke Jakarta dari Kuala Lumpur, manakala syarikat penerbangan Singapura, Singapore Airlines, membuat 12 penerbangan dari Kuala Lumpur ke Singapura.

Permintaan itu amat wajar sekali kerana jumlah rakyat Indonesia di negara ini sekarang adalah kira-kira 500,000 orang. Jika penerbangan tidak mencukupi, pekerja Indonesia terpaksa pergi ke Singapura atau negara lain untuk menaiki penerbangan pulang ke tanah air mereka.

Permintaan Malaysia ini pernah dikemukakan kepada pemimpin Indonesia sebelum ini.

Dalam kerjasama ekonomi, Malaysia menyatakan hasratnya untuk membeli arang batu daripada Indonesia bagi sektor tenaganya.

Jelasnya kunjungan singkat Megawati ke Malaysia itu membawa harapan besar kepada kedua-dua negara untuk terus menjaling hubungan dan kerjasama dalam pelbagai bidang. Megawati sebagai ketua pemimpin baru Indonesia mengambil langkah bijak dengan mengadakan lawatan ke negara jiran bagi `memperbaharui' hubungan republik itu dengan rakan serantau.

Indonesia sedar bahawa dalam apa juga keadaan rakan serantau paling penting bagi republik itu.

(END)